

1983

KUALA LUMPUR, 2 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN SESEBUAH BADAN, SAMA ADA BADAN BERKANUN, SYARIKAT KERAJAAN ATAU SYARIKAT SWASTA, YANG TIDAK AMANAH DALAM KERJA MASING-MASING SEHINGGA MENIMBULKAN BERMACAM-MACAN PENYELEWENGAN.

KATANYA MEREKA ITU BUKAN SAHAJA MEROSAKKAN BADAN YANG DISERAHKAN KEPADA MEREKA UNTUK MENGURUS TETAPI JUGA MEMBAWA NAMA BURUK KEPADA KAUM MEREKA DAN MENIMBULKAN ANGGAPAN KEPADA MASYARAKAT BAHAWA KALANGAN TERSEBUT MEMANG TIDAK BOLEH DIPERCAYAI.

SAMBIL MENSIFATKAN PERBUATAN TERSEBUT SEBAGAI AMAT MENGECEWAKAN, PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PERBUATAN MEREKA ITU MENGKHIANATI BANGSA DAN NEGARA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN BARU IBUPEJABAT FELDA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN, SAMA ADAN MELALUI PENTADBIRAN ATAU PUN UNDANG-UNDANG, TERHADAP MEREKA. -- LAGI 1223/II

MAHATHIR - AMANAH 2 KUALA LUMPUR

"MUNGKIN MEREKA YANG TIDAK BERAMANAH INI BERPENDAPAT BAHAWA PENYELEWENGAN MEREKA TIDAK AKAN DIKESAN TETAPI LAMBAT LAUN KESALAHAN MEREKA AKAN TERDEDAH JUGA," KATANYA.

KATANYA, PADA KETIKA ITU SUDAH TERLALU LEWAT UNTUK MEREKA MENDAPATKAN PERLINDUNGAN DARIPADA ORANG-ORANG TERTENTU YANG MUNGKIN RAPAT DENGAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGURUSAN SESEBUAH BADAN ADALAH TUGAS YANG AMAT MUDAH BAGI ORANG YANG BERAMANAH KERANA YANG DIPERLUKAN HANYA DUA PERKARA, IAITU AMANAH DAN KERAJINAN.

BELIAU JUGA MENAISHATKAN MEREKA YANG TIDAK MEMILIKI DUA SIFAT TERSEBUT SUPAYA JANGAN MEMASUKI BIDANG PENGURUSAN KERANA KEHADIRAN MEREKA ITU AKAN MEMBAWA BERBAGAI MASALAH DAN KEGAGALAN KEPADA BADAN-BADAN YANG DIURUSKAN ITU.

MENGENAI FELDA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AGENSI INI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN YANG MEMUASKAN TETAPI PADA MASA YANG SAMA TELAH WUJUD PULA SIKAP BURUK SEGELINTIR PENEROKA. -- LAGI 1235/II

MAHATHIR - AMANAH 3 KUALA LUMPUR

''MEREKA BERSIKAP TERLALU BERGANTUNG KEPADA FELDA DAN MENYALAHKAN FELDA DAN KERAJAAN ATAS APA JUGA KELEMAHAN DIRI MEREKA DAN DI SATU PIHAK LAIN PULA MENGANGGAP KERAJAAN SEBAGAI 'BADAN KEBAJIKAN' DI MANA SEMUA PERKHIDMATAN DIANGGAP PERCUMA DAN PINJAMAN TIDAK PERLU DIBAYAR BALIK, '' TAMBAH BELIAU.

SELAIN DARI ITU, ADA PULA GOLONGAN YANG BERSIKAP SEPERTI PENGURUS DAN BUKAN PEKERJA DI TANAH SENDIRI KERANA SUKA MENGUPAH ORANG LAIN UNTUK MEMBUAT KERJA-KERJA YANG SEPATUTNYA DILAKUKAN OLEH MEREKA SENDIRI.

BELIAU KESAL DENGAN SIKAP TERSEBUT KERANA IA AKAN MELAHIRKAN MASYARAKAT MALAYSIA SEBAGAI SATU BANGSA YANG LEMAH DAN KEHILANGAN KEHORMATAN DIRI.

''SESEBUAH NEGARA YANG RAKYATNYA TIDAK DAPAT MENERIMA HAKIKAT BAHAWA MEREKA HARUS BEKERJA KUAT UNTUK BERJAYA AKAN KETINGGALAN DALAM PERSAINGAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, '' TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BERKENAAN DASAR-DASAR UNTUK MENINGKATKAN PERINDUSTRIAN DAN MEMPELBAGAIKAN SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI LANGKAH WAJAR YANG DIAMBIL UNTUK MENGURANGKAN KESAN-KESAN AKIBAT PERGANTUNGAN KEPADA NEGARA-NEGARA TERTENTU YANG MENGIMPORT DUA ATAU TIGA HASIL PERTANIAN UTAMA NEGARA. -- LAGI 1243/II
NNNN

ZCZC B534

MAHATHIR - AMANAH 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI, BELIAU BERKATA KESANNYA TERHADAP NEGARA INI TIDAK SEBEGITU TERUK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEBANYAKAN NEGARA LAIN.

''TETAPI PENGALAMAN INI HARUS MENJADI SATU PENGAJARAN YANG BERKESAN KEPADA NEGARA INI BAHAWA KITA MESTI MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN KITA DAN MEMPERKUKUHKAN KETAHANAN DI DALAM SEMUA BIDANG, '' TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENGGESA SETIAP PEKERJA BEKERJA KUAT, BERDISIPLIN DAN DEDIKASI DI SAMPING MENYEMAI DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI YANG MULIA SUPAYA DAPAT MELAHIRKAN PULA SATU BANGSA YANG BAHAGIA, MAKMUR DAN BERMARUAH. -- BERNAMA 1245/II